

23 OCT 1998

Isa-Pelabur

PELABUR ASING TIDAK PERLU BIMBANG MELABUR DI MALAYSIA

SEREMBAN, 23 Okt (Bernama) -- Pelabur-pelabur asing tidak perlu bimbang untuk melabur di Malaysia kerana negara ini aman dan stabil, kata Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, hari ini.

Beliau berkata walaupun Malaysia diberikan gambaran negatif di peringkat antarabangsa oleh sesetengah media asing baru-baru ini, negara ini sebenarnya aman dan stabil dengan aktiviti ekonomi dan industri berjalan seperti biasa.

Beliau berkata bilangan besar pelabur asing yang membina kilang di negara ini terutamanya di Negeri Sembilan jelas menunjukkan bahawa Malaysia ialah pusat pelaburan menarik untuk pelabur-pelabur asing.

"Malahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa berada di Tokyo baru-baru ini, telah mempelawa wartawan Jepun untuk melawat Malaysia dan melihat sendiri keadaan di negara ini," katanya semasa merasmikan kilang kedua Totokiki (M) Sdn Bhd, di Senawang dekat sini.

Totokiki memulakan operasinya pada Disember 1996 dengan mengeluarkan komponen peralatan tandas dan mula mengeluarkan siri akhir produknya iaitu tempat duduk tandas yang dikawal oleh komputer mikro pada Mei 1997.

Mohd Isa berharap para pegawai dagang dan syarikat asing akan memainkan peranan dengan memberikan gambaran sebenarnya mengenai Malaysia di negara masing-masing.

Beliau berkata jumlah pelaburan Jepun di Negeri Sembilan antara 1987 dan 1996 ialah RM1.246 bilion, manakala pada 1997 sahaja, syarikat-syarikat Jepun melabur sejumlah RM115.1 juta di negeri ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata jumlah pelaburan asing bagi Januari hingga Ogos tahun ini ialah RM799 juta manakala sasaran bagi keseluruhan tahun ini ialah RM1.2 bilion.

"Berikutan kegawatan ekonomi, adalah sesuatu yang baik jika kita dapat mencapai RM900 juta," katanya.

Pengarah urusan Totokiki (M) Sdn Bhd Akiyoshi Seki pula berkata beliau yakin ekonomi Malaysia dapat dipulihkan dalam jangka masa pendek dan berasa bangga memilih negara ini sebagai tempat pelaburan.

"Saya berasa kagum dengan dasar kerajaan Malaysia dalam melaksanakan kawalan tukaran asing untuk menangani serangan spekulatif terhadap pasaran matawangnya, yang setakat ini menunjukkan hasil yang menyakinkan," katanya.

Presiden Toto Ltd Japan Masatoshi Shigefuchi memberitahu pemberita bahawa semua produk yang dikeluarkan oleh Totokiki (M) Sdn Bhd kini dieksport ke Jepun dan akan dipasarkan ke Amerika Syarikat tidak lama lagi.

Beliau berkata berikutan permintaan menggalakan bagi produk keluarannya, Totokiki (M) Sdn Bhd menjangka dapat meningkatkan pendapatannya. Pendapatan yang dijangkakan untuk tahun ini ialah RM80 juta manakala unjuran bagi tahun 2001 ialah RM170 juta.

-- BERNAMA

AZ NAK